


# Masjid Kajang (1900-an)



## 1896-01-20: Permohonan Dana Kerajaan



(Sumber: Arkib Negara 1957/0061172W, 20/01/1896:

"KAJANG MOSQUE:- APPLICATION FROM THE PENGHULU & OTHER MALAYS OF KAJANG FOR A GOVERNMENT CONTRIBUTION \$451 TO COMPLETE THE MOSQUE - FORWARDS -").

## 1930-an: Gambar Masjid Lama




“...group photograph taken at Masjid Jamek Kajang, Jalan Sungai Kantan, probably in the 1930s. Seated, from left: 1 Manap Gemok, Ayah Lembut ; 2 Pak Ariffin ; 3 Maidan ; 4 Haji Jamil ; 5 Sultan ; 6 Enche Mat, D.A.D.O ; 7 Abdul Aziz, Agricultural Officer ; 8 Raja Mansor, Penghulu Kajang ; 9 Raja Yacob, D.O. ; 10 Raja Musa, A.D.O ; 11 Syed Ahmad, Penghulu Beranang ; 12 Haji Abdul Hamid (kadhi) ; 13 Raja Bazit ; 14 Syed Baldin ; 15 Pak Busu, Kampung Bukit ; 16 Pak Yakub ; 17 Yahya Syed Ahmad ; 18 Tok Engku Shamsuddin ; Seated on the ground (bersila): 19 Penghulu Ngah ; Standing: 20 Haji Ismail (bapa Ustaz Anuar) ; 21 Saidi ; 22 Pak Ma'zin ; 23 Chegu Mat Tawil ; 24 [?] ; 25 Haji Ismail Kari Atak ; 26 Haji Hashim, bapa Amir ; 27 Lebai Abbas (imam) ; 28 Haji Amin ; 29 Chegu Yusof ; 30 Atuk Hassan Trunk Call ; 31 Haji Wahid (bilal) ; 32 Pak Taib ; 33 Manap ; Standing in the mosque: 34 Dolah Saigon (tok siak); Photograph taken by 'Kedai Jepun Mino'. COURTESY OF IR. ASHARI MOHD. YAKUB”

(Sumber: Abdur-Razzaq Lubis, 2018: [Sutan Puasa, founder of Kuala Lumpur](#), hlm.492-493).

## 1970: Masjid Baru Kajang



**Masjid baru sedang di-bena**



**Kiri:** "Masjid baru sedang di-bena" (Berita Harian, 27 December 1969, Page 4:

"Masjid baru Kajang hampir siap").

**Kanan:** Masjid baru setelah disiapkan (Gambar Arkib NST) (-, 20 July 1970:

DK00234).

"Lebeh tiga ribu orang penduduk Islam di-Mukim Kajang, Selangor, di-jangka akan mulai menunaikan sembahyang Juma'at di-masjid baharu yang sekarang hampir siap di-bena. Masjid tersebut menelan perbelanjaan kira2 \$300,000 di-bena dalam kawasan sa-luas lima ekar - dua ekar tanah Kerajaan dan tiga ekar lagi di-beli dengan harga \$60,000. Penduduk Kajang mengingini sa-buah masjid baharu semenjak tahun 1954 dahulu lagi untuk menggantikan masjid lama yang sekarang berumur lebeh 50 tahun dan hanya dapat menampung kira2 300 orang sidang jema'ah. Ketika bersembahyang Juma'at, ramai para jema'ah terpaksa bersembahyang di-chelah2 kasut atau selepar di-anjong masjid. Keadaan itu menjadi lebeh sesak lagi dalam masa sembahyang hari raya.

Chita2 mendirikan masjid baharu mulai di-laksanakan pada 2 Julai, 1969 ketika Enche Hassan bin Ibrahim, Pegawai Daerah, di-lantek sa-bagai Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Masjid Jame' Mukim Kajang. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak meletakkan batu asas masjid itu pada 23 Ogos, 1969. Sekarang hampir2 70 peratus kerja membena-nya telah di-selesaikan. Saya menjangka masjid itu akan siap sa-lambat2-nya dalam bulan Mach tahun 1970', kata Enche Hussain bin Soud, Penghulu Mukim Kajang merangkap Setiausaha Pembinaan Masjid tersebut. Kata-nya masjid baharu akan dapat menampung 2,000 orang sidang jema'ah sementara tingkat atas bangunan itu dapat di-

gunakan untuk kaum wanita. 'Di-tingkat itu sahaja boleh muat lebeh 300 orang untuk bersembahyang,' kata Enche Hussain. Bentok masjid itu, pada keseluruhannya, ada-lah seperti Masjid Jame' di-Machang, Kelantan dengan sedikit pindaan yang di-buat oleh arkitek Enche Ariffin bin Abdullah yang juga di-datangkan dari Kelantan. Kerajaan Negeri Selangor mula-nya memberikan bantuan \$100,000 sahaja demikian juga Kerajaan Pusat, tetapi atas jasa baik Tuan Haji Muhammad Nazir, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Enche Shariff Ahmad, Ahli Dewan Ra'ayat, tiap2 kerajaan menambah bantuan masing2 sa-banyak \$30,000 lagi. Orang ramai pula di-harapkan menyumbang sa-jumlah \$40,000. Kata Enche Hussain: 'Derma2 yang datang sungguh menggalakkan termasuk dari orang bukan Islam. Sa-hingga hari ini, anggaran yang di-harapkan itu boleh di-katakan sudah menchukupi. 'Sa-bahagian besar derma2 datang dari mukim ini sendiri. Hanya sa-bahagian kecil dari mukim2 lain.

Adek beradek Akik Khan, hartawan di-Kajang, ia-lah di-antara orang Islam yang paling banyak memberi derma. Beliau menyumbangkan alat pembesar suara berharga \$2,365.' 'Bagaimana pun,' kata Enche Hussain lagi, 'derma2 maseh di-perlukan kerana banyak lagi yang harus di-buat seperti tempat meletakkan basikal dan membena jalan masuk ka-masjid. Projek itu sahaja di-taksir menelan belanja sa-banyak \$19,000.' Menyentuh bangunan masjid lama yang terletak tidak jauh dari bangunan baharu, beliau tidak dapat menegaskan sama ada ia akan di-runtohkan atau di-biarkan begitu sahaja. Ma'alum-lah masjid, bukan mudah hendak meruntoh2kan sa-buah masjid,' kata-nya. 'Tetapi kalau Kerajaan hendak menggunakan tapak-nya bagi sa-suatu rancangan pembangunan terpaksa-lah bangunan lama itu di-runtohkan,' beliau menambah. Sa-lepas Enche Hassan Ibrahim berpindah ka-Kuala Lumpur, jawatan Pengerusi Masjid di-pegang oleh Pegawai Daerah yang baharu Enche Abu Hassan bin Omar. Bila Enche Abu Hassan pula bertukar, tempat-nya di-penohi oleh Raja Azman bin Raja Ismail, Pegawai Daerah Kajang yang baharu. Bagi pehak Jawatankuasa, Enche Hussain menguchapkan rasa terima kaseh-nya yang ta' terhingga kepada orang2 yang telah menghulorkan derma."



**Masjid lama berumur 50 tahun**

HUSSAIN SOUD

**Kiri:** "Masjid lama berumur 50 tahun" [1919?]

**Kanan:** "Hussain Soud" [Penghulu Mukim Kajang merangkap Setiausaha Pembinaan Masjid]

(Sumber: Berita Harian, 27 December 1969, Page 4:

"Masjid baru Kajang hampir siap").

# Di Mana Masjid Lama Sekarang?



From:  
<https://kajang.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Kajang**

Permanent link:  
[https://kajang.pulasan.my/masjid\\_kajang?rev=1781793921](https://kajang.pulasan.my/masjid_kajang?rev=1781793921)

Last update: **2026/06/18 22:45**

